



PETIKAN AKHBAR

Penjana Kapital tarik RM676 juta dengan 55 peratus daripada pelabur asing

PETIKAN AKHBAR | 19 MEI 2021



KUALA LUMPUR, 19 Mei – Penjana Kapital Sdn Bhd telah mengumpul RM676 juta, yang mana RM372 juta atau 55 peratus datang daripada pelabur asing khususnya Hong Kong dan Korea Selatan.

Syarikat itu, yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk mengendalikan Program Dana Penjana Nasional (DPN) berkata jumlah itu ditarik melalui lapan pengurus dana modal teroka (VC) Malaysia yang dipilih sebagai sebahagian daripada program padanan 'fund-of-fund'.

"Pengumpulan dana sebanyak RM676 juta telah melebihi sasaran awal kutipan sebanyak RM448 juta ataupun hampir 200% daripada sasaran awal RM228 juta. Daripada jumlah tersebut, lapan pengurus dana VC akan memulakan pelaburan awal sebanyak RM110.15 juta dalam lapan syarikat pemula niaga.

"Daripada RM676 juta yang dikumpul, lapan VC itu pada mulanya akan melabur sejumlah RM110.15 juta dalam lapan syarikat permulaan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Penjana Kapital, yang ditubuhkan di bawah Menteri Kewangan Inc berkata kesemua lapan syarikat pemula niaga itu

mempunyai kehadiran di sekurang-kurangnya dua negara ASEAN.

Lima adalah syarikat pemula niaga yang berpangkalan di Malaysia manakala tiga lagi adalah syarikat asing yang komited untuk menubuhkan operasi di negara ini dan telah pun menjalankan kerjasama dengan syarikat korporat Malaysia, katanya.

Selain daripada komitmen untuk mencapai sasaran kadar pulangan dalaman ("IRR") antara 15 peratus hingga 30 peratus, kesemua pengurus dana VC tersebut turut memberi komitmen bagi mewujudkan hampir 1,400 pekerjaan berkemahiran tinggi daripada pelaburan awal mereka.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz mengucapkan tahniah kepada lapan VC itu, sambil berkata dana ini amat penting untuk merangsang ekosistem syarikat pemula niaga negara dan menggalakkan inovasi, khususnya dalam menghadapi cabaran COVID-19.

"Saya juga mengalu-alukan kedatangan pelabur asing ke Malaysia, yang nyata mencerminkan keyakinan mereka terhadap prospek pertumbuhan Malaysia serta industri syarikat pemula niaga. Saya berharap Penjana Kapital, pengurus dana VC dan syarikat yang dilabur akan terus berjaya mengorak langkah di dalam industri ini, di samping berkongsi pengetahuan selain menjana peluang pekerjaan bergaji tinggi di Malaysia".

DPN, yang merupakan sebahagian daripada Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), bertujuan untuk merapatkan jurang pembiayaan dengan memberi insentif kepada modal swasta bagi memudahkan pertumbuhan pemula niaga termasuk mengadakan persekitaran yang membolehkan syarikat pemula niaga untuk meningkatkan dan berkembang di peringkat antarabangsa.

Kerajaan Malaysia akan memadankan sehingga RM600 juta, pada kadar padanan 1:1, dana yang dijana oleh pengurus dana VC daripada pelabur swasta tempatan dan asing, dengan sasaran peruntukan sebanyak RM1.2 bilion.

[Bernama](#)[Penjana](#)[Penjana Kapital](#)[Siaran Media](#)[Koleksi Ucapan](#)[Petikan Akhbar](#)[Foto](#)[Video](#)[Pengumuman](#)[Laporan LAKSANA](#)[Tender](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)[TENGKU ZAFRUL](#)[BAJET 2022](#)[COVID-19](#)[LAPORAN LAKSANA](#)[TMK 1](#)[KELUARGA MALAYSIA](#)[PENJANA](#)[PRIHATIN](#)[PRICE OF PETROLEUM](#)[HARGA MINYAK](#)[BUDGET 2022](#)

Copyright © 2022 Kementerian Kewangan Malaysia. All Rights Reserved.

[Dasar Privasi](#)

[Dasar Keselamatan](#)

[Penafian](#)

[Peta Laman](#)

[Bantuan
Arkib](#)